

D.R. 39/2007

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007.

Penggantian seksyen 2

2. Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 [*Akta 181*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan seksyen 2 dengan seksyen yang berikut:

"Pemberian kepada Negeri

2. (1) Apabifa terdapat pertambahan dalam hasil Persekutuan dalam mana-mana tahun kewangan berbandiig dengan tahun kewangan yang sebelumnya, Menteri hendaklah bagi tahun kewangan yang berikutnya memperuntukkan bagi maksud membuat pemberian di bawah seksyen 4, 4A dan 4B suatu amaun yang tidak melebihi dua ratus lima puluh juta ringgit yang hendaklah dibahagi-bahagikan seperti yang berikut:

(a) suatu bahagian daripada amaun itu yang tidak melebihi lima puluh juta ringgit bagi maksud seksyen 4;

- (b) suatu bahagian daripada amaun itu yang tidak melebihi satu ratus juta ringgit bagi maksud seksyen 4A; dan
- (c) bahagian selebihnya yang tidak melebihi satu ratus juta ringgit bagi maksud seksyen 4B.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), had dua ratus lima puluh juta ringgit, lima puluh juta ringgit dalam perenggan (a), satu ratus juta ringgit dalam perenggan (b) dan satu ratus juta ringgit dalam perenggan (c) boleh dikaji semula dan diubah oleh Menteri."

Seksyen baru 4B

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4A seksyen yang berikut:

"Pembahagian antara Negeri mengikut peratusan keluaran kasar dalam negeri

4B. Jumlah wang yang diperuntukkan di bawah perenggan 2(c) hendaklah dibahagi-bahagikan sebagai pemberian antara Negeri mengikut peratusan keluaran kasar dalam negeri bagi setiap Negeri. Keluaran kasar dalam negeri bagi Persekutuan dan semua Negeri bagi Persekutuan hendaklah ditetapkan oleh Persekutuan."

Pindaan seksyen 5

4. Seksyen 5 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "perenggan 2(a) dan (b)" dengan perkataan "perenggan 2(a), (b) dan (c)".

Pindaan seksyen 6

5. Seksyen 6 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "seksyen 4" dengan perkataan "seksyen 4 dan 4B".

Pindaan seksyen 7

6. Seksyen 7 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "seksyen 4 dan 4A" dengan perkataan "seksyen 4, 4A dan 4B".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pemberian Pcriambahan Hasil 1977 ("Akta 181") untuk mengadakan peruntukan bagi bantuan kewangan tambahan kepada Negeri.

2. *Fasal 1* mcngandungi tajuk ringkas.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 181 untuk menambah jumlah amaun pemberian pertambahan hasil kepada Negeri daripada satu ratus lima pulith juta ringgit kepada dua ratus lima puluh juta ringgit. Ia juga bertujuan untuk membcrici Mentcri kuasa mengkaji semula dan mengubah amaun pemberian itu berdasarkan pertambahan hasil Persekutuan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4B ke dalam Akta 181 untuk memperuntukkan bantuan kewangan tambahan sebanyak satu ratus juta ringgit kepada Negeri mengikut peratusan keluaran kasar dalam negeri bagi setiap Negeri.

5. Pindaan lain yang lidak diperkalakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan daiam perbelanjaan vvang tambahan yang amaunnya belum dapat ditcniukan sekarang ini.

[PN(U²)2607]